

UUM ONLINE: Seramai 50 penduduk Kampung Sungai Petani di daerah Kubang Pasu terdiri dari kalangan ibu tunggal dan mereka yang kurang berkemampuan menerima sumbangan duit raya dan barangan keperluan dapur daripada Persatuan Pegawai Tadbir dan Ikhtisas (Perpati) UUM kelmarin.

Sumbangan itu disampaikan oleh Presidennya Abu Bakar Mat Safar dan beberapa jawatankuasa yang hadir.

Abu Bakar berkata, program tahunan ini diadakan bagi membantu penduduk sekitar Sintok yang memerlukan bantuan.

“Kami berharap sumbangan ini dapat membantu mereka untuk menyambut ketibaan syawal ini,”katanya.

Turut hadir ialah Timbalan Presiden Maimunah Mohamad dan beberapa jawatankuasanya.

Habis.

=====

DARIPADA:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
TEL.: 04-928 3013/3661/3066/4078
FAKS: 04-928 3016
E-MEL: ukkuum@uum.edu.my